

Sorotan Literatur Sistematis Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas

BITARAVolume 3, Issue 2, 2020: 199-211
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Systematic Literature Review on Issues and Challenges al-Quran of Pupils with Special educational Needs]

Rabiatuladawiyah Saleh¹ & Mohd Nizam Sahad¹

Abstrak

Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada semua umat Islam. Ia merangkumi semua aspek kehidupan orang Islam. Murid berkeperluan khas (MBK) juga tidak terlepas dari mempelajari al-Quran. Murid berkeperluan khas merupakan murid yang termasuk dalam golongan orang kelainan upaya. Kajian pembelajaran al-Quran dalam bidang pendidikan khas amat kurang dikaji. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji dua aspek, isu dan cabaran yang dilalui oleh guru semasa mengajar murid berkeperluan khas. Sumber pencarian artikel yang diperolehi adalah secara atas talian daripada Jurnal Pendidikan Islam dan Jurnal Pendidikan al-Quran Sunnah dan Keperluan Khas (JQSS) dari pangkalan data *Google Scholar* dan *Mendeley* yang dirujuk adalah dari tahun 2013 sehingga tahun 2019. Data yang terkumpul dianalisis secara tematik menggunakan aplikasi Atlas Ti. Dapatan kajian mendapati terdapat lima isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajar murid berkeperluan khas. Antaranya ialah kekurangan pengetahuan dalam mendidik MBK, teknik pengajaran dan kemahiran, tahap kesediaan guru, dan kekangan masa dalam pengajaran MBK. Kesimpulannya, semua agensi dan komuniti perlu memberi komitmen yang padu dalam memberikan pendidikan al-Quran untuk golongan orang kurang upaya. Dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa cadangan penambahbaikan bagi membantu pembelajaran al-Quran untuk MBK.

Kata kunci:

Murid Berkeperluan Khas, Pembelajaran al-Quran, Isu dan Cabaran.

Abstract

The al-Quran is a holy book that Allah has revealed to all Muslims. It covers all aspects of Muslim life. Students with special Needs (SSN) are also inseparable from learning the al-Quran. SSN are students who belong to a group of people with disabilities. The study of al-Quran in the field of special education is poorly studied. Therefore, this study aims to examine two aspects, issues and challenges that the teachers face when teaching SSN. The source for the articles obtained are available online from the Journal of Islamic Education and the Journal of al-Quran Sunnah Educations and Special Needs (JQSS) from the Google Scholar and Mendeley databases referenced from 2013 to 2019. The collected data were thematically analyzed using Atlas Ti application. This study found that there were five issues and challenges faced by the teachers in teaching SSN. Among them are the lack of knowledge in teaching SSN, teaching techniques and skills, the level of readiness of teachers teaching SSN and time constraints in teaching SSN. In conclusion, all agencies and communities need to give

¹ Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Corresponding Author:

MOHD NIZAM SAHAD, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia. E-mail: nizamsahad@usm.my

their strong commitment to providing al-Quran education for the disabled. It can be concluded that there are some suggestions for improvement to help the study of al-Quran for SSN.

Keywords:

Students with Special Needs, Al-Quran Learning, Issues and Challenges.

Cite This Article:

Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad. 2020. Sorotan Literatur Sistematis Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 199-211.

Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada semua umat Islam. Ia merangkumi semua aspek kehidupan orang Islam. Pembelajaran al-Quran diajar di sekolah melalui mata pelajaran pendidikan Islam. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Pendidikan Islam wajib diajar di semua sekolah sama ada peringkat sekolah rendah atau menengah yang mempunyai sekurang-kurangnya lima orang murid Islam. Oleh itu, semua murid Islam termasuklah murid berkeperluan khas (MBK) perlu mempelajari Pendidikan Islam termasuklah pembelajaran al-Quran. Murid berkeperluan khas terdiri daripada pelbagai kategori. Antaranya adalah murid bermasalah pembelajaran, murid bermasalah penglihatan dan murid bermasalah pendengaran. Justeru, mengajar al-Quran kepada MBK bukanlah tugas yang mudah kerana mereka mempunyai pelbagai kekurangan. Pada masa kini masih terdapat murid normal yang tidak mengenali huruf *hijaiyyah*, potongan ayat pendek al-Quran dan gagal membaca al-Quran dengan lancar apabila telah meningkat ke sekolah menengah walaupun telah diajar di peringkat sekolah rendah (Raja Abdullah Raja Ismail, Daud Ismail, Fouziah Mohd, 2015). Apatah lagi, dalam konteks MBK yang menghadapi pelbagai ketidakupayaan seperti masalah pendengaran, penglihatan, atau fizikal, maka pengajaran al-Quran bukanlah sesuatu yang mudah untuk para guru. Oleh itu, guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam untuk MBK perlu menguasai pelbagai kemahiran bagi mengajar al-Quran.

Secara amnya, isu dan cabaran yang wujud dalam pengajaran guru program pendidikan khas di Sekolah-sekolah Pendidikan Khas Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai aspek iaitu kelayakan akademik dan ikhtisas guru-guru, pengetahuan tentang ciri-ciri keperluan khas murid, kebolehan serta keyakinan guru menyampaikan isi kandungan Pendidikan Islam kepada murid-murid berkeperluan khas (Mohd Mokhtar & Aliza, 2004), dan juga keperluan kepada infrastruktur yang menyokong pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Mohd Hanafi et. al, 2009). Guru-guru yang mengajar MBK perlu mempunyai kemahiran mengajar yang sesuai dengan keperluan pembelajaran murid mengikut kategori kurang upaya (Syar Meeze Mohd Rashid, 2017).

Justeru, penerokaan terhadap isu dan cabaran bagi guru pendidikan Islam dalam pengajaran al-Quran dijalankan bagi melihat cabaran yang dihadapi oleh golongan pendidik ini. Kajian dilakukan bagi membantu pihak yang berwajib untuk mengatasi masalah ini seterusnya melakukan penambahbaikan khususnya dalam membina kualiti guru Pendidikan Islam dalam program pendidikan khas di Malaysia.

Seperti murid aliran perdana, bermula pada tahun 2017 murid pendidikan khas juga telah menggunakan kurikulum baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Mata pelajaran pendidikan Islam KSSM terbahagi kepada dua bahagian iaitu tilawah al-Quran dan *ulum syariyyah*. Pada bahagian tilawah al-Quran, ia merangkumi aspek bacaan, hafazan, ayat kefahaman dan hadis. Pada bahagian *ulum syariyyah* pula, ia merangkumi bahagian akidah, ibadat, sejarah dan akhlak Islamiah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Peruntukan masa bagi mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid kelas aliran perdana adalah sebanyak 240 minit seminggu bagi menengah rendah dan 160 minit seminggu bagi menengah atas (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Manakala, peruntukan masa untuk murid masalah pembelajaran kefungsi sederhana pula ialah sebanyak 150 minit seminggu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Peruntukan masa ini adalah berdasarkan pengajaran Pendidikan Islam KSSM.

Tilawah al-Quran bukanlah satu ilmu yang berasingan tetapi bersifat bersepadu (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Dengan maksud yang lain, tilawah al-Quran bukan hanya dilihat dari segi pembetulan bacaan sahaja malah ia turut meliputi bacaan, hafazan dan kefahaman. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk melakukan kajian sistematik literatur dari tahun 2013 hingga 2019 yang berkaitan dengan cabaran guru dalam mengajar al-Quran kepada murid pendidikan khas.

Persoalan Kajian

RQ1: Apakah isu dan cabaran pengajaran al-Quran kepada guru dalam mengajar murid berkeperluan khas?

Metodologi Kajian


Artikel ini menggunakan metodologi yang diadaptasi daripada cadangan (Mark Petticrew & Helen Roberts, 2006) bagi sorotan literatur sistematik bagi menganalisis sumber-sumber yang berkaitan dengan isu dan cabaran pengajaran al-Quran untuk murid pendidikan khas dari jurnal yang diterbitkan dari tahun 2013 sehingga tahun 2019. Pemerhatian, penilaian dan pemilihan artikel dilakukan berdasarkan kata kunci yang dicari. Selepas pengkaji mengumpulkan artikel isu dan cabaran yang berkualiti, langkah seterusnya ialah membentuk persoalan kajian.

Langkah pertama yang dilakukan dalam mencari artikel sorotan literatur untuk pengajaran tilawah al-Quran ialah dengan mengakses artikel daripada Jurnal Penyelidikan Islam dan Jurnal Pendidikan al-Quran Sunnah dan Keperluan Khas (JQSS) berdasarkan data dari *Mendelay* dan *Google Scholar*. Pengkaji telah menggunakan kata kunci “*tilawah al-Quran*” AND “*murid*” untuk mengenalpasti item yang berkaitan bermula dari tahun 1998 sehingga tahun 2019. Hasil carian terdapat lebih daripada 500 item yang berkaitan. Seterusnya, pengkaji memperkecilkan skop carian dengan melakukan saringan item yang berkaitan bermula dari tahun 2012 sehingga 2019. Hasil menunjukkan terdapat 411 item yang berkaitan.

Seterusnya, pengkaji melakukan tapisan akhir di pangkalan data *Google Scholar* dengan menggunakan kata kunci “*tilawah al-Quran*” AND “*murid*” AND “*cabaran*” AND “*OKU*”. Dari carian ini, hanya terdapat 17 item yang berkaitan. Walau bagaimanapun, artikel yang diterbitkan oleh prosiding dan tesis telah dikeluarkan dan hanya artikel yang diterbitkan

daripada jurnal sahaja yang akan dipilih serta dikaji. Artikel yang dianggap tidak relevan adalah artikel yang tidak berkaitan dengan topik dan tidak membincangkan mengenai murid berkeperluan khas. Selepas proses saringan dijalankan, hanya terdapat 11 buah artikel yang relevan. Ini menjadikan limitasi sorotan literatur ini meliputi 11 buah artikel dalam tempoh 7 tahun iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2019 yang diterbitkan oleh jurnal sahaja menjadi asas untuk dikaji. Proses saringan artikel ditunjukkan pada Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Proses saringan artikel



S

Sebanyak 11 buah artikel tersebut dipindahkan ke Atlas Ti 8 melalui proses *export* dari *Mendeley* ke perisian Atlas Ti 8. Penggunaan Atlas Ti 8 lebih memudahkan pengkaji untuk melakukan *code* secara sistematik. Pada peringkat awal, sebanyak 18 *code* yang telah dihasilkan menggunakan perisian ini. Kemudian, *code* tersebut dibahagikan kepada beberapa tema untuk menjawab persoalan kajian iaitu “Apakah isu dan cabaran pengajaran al-Quran kepada guru dalam mengajar murid pendidikan khas?” dan ia membawa kepada lima tema utama.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan kata kunci yang digunakan iaitu “*tilawah al-Quran*” AND “*murid*” AND “*cabaran*”, banyak artikel yang dipaparkan membincangkan mengenai murid aliran perdana. Jadual 3.1 dan 3.2 di bawah menunjukkan trend penerbitan artikel mengenai MBK. Trend penerbitan menunjukkan terdapat peningkatan pada setiap tahun. Ketika artikel ini diterbitkan, pengkaji menjangkakan akan lebih banyak artikel yang diterbitkan dari masa ke semasa. Pengkaji mendapati artikel pengajaran al-Quran untuk murid berkeperluan khas lebih popular dibincangkan di Jurnal Pendidikan al-Quran Sunnah dan Keperluan Khas (JQSS) USIM berbanding dengan jurnal yang lain.

Rajah 2: Artikel mengikut jurnal dan tahun

	Creative Education	GEMA Online Journal of Language Studies	International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled	International Journal on Quranic Research (JQR)	International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam	Islamiyyat 38(1)	Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs	Jurnal Islam dan masyarakat kontemporari	Jurnal Ortopedagogia	The Malaysian Online Journal of Educational Technology	Tinta Artikulasi Membina Ummah	Jumlah
2013	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1
2014	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	2
2016	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1	2
2017	0	1	0	0	0	0	2	0	0	0	0	3
2018	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	2
2019	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1

Sumber: Olahan pengkaji, 2019.

Jadual 1: Kategori artikel murid berkeperluan khas mengikut tahun kajian

Tahun/ Kategori	Austisme	Kurang Upaya Mental	Orang Kelainan Upaya	Pembelajaran	Pendengaran	Penglihatan
2013	0	0	0	0	0	1
2014	0	1	1	1	0	0
2015	0	0	0	0	0	0
2016	0	0	0	0	1	1
2017	0	0	1	0	2	0
2018	1	0	0	0	0	0
2019	0	0	0	1	0	0

Sumber: Olahan pengkaji, 2019.

Berdasarkan Rajah 2 dan Jadual 1 di atas, terdapat 11 artikel yang telah dikenal pasti untuk dikaji semula berserta penelitian persamaan dan perbezaan pada setiap artikel. Seterusnya, dari 11 artikel yang telah dipilih, pengkaji telah membahagikannya kepada beberapa tema. Pada awal pengekodan, sebanyak 18 kod telah didapati dan pengkaji telah membahagikannya kepada lima tema utama iaitu pengajaran dan pemudahcaraan, masa yang terhad, tahap kesediaan pengajaran guru, pengetahuan guru dan kekurangan bahan bantu mengajar (BBM). Pembahagian tema, senarai jurnal dan penulis dapat dilihat dalam Rajah 3 di bawah.


Rajah 3: Pembahagian Tema

Penulis	Tahap Kesediaan Guru	Kaedah Pengajaran Guru	Pengetahuan Guru	Masa terhad	Kekurangan BBM
Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad (2019) -	/	/		/	
Syar Meeze Mohd Rashid (2017) -	/	/	/		/
Safarina Ujang & Norshidah (2018) -	/				
Siti Patonah Mohamad, Zulkifli Mohd Yusoff & Durriyyah Safiyyah (2014) -	/	/			
Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil(2017)	/	/	/		
Hamdi Ishak (2016)	/	/			
Norakyairee Mohd Raus & Mohd Nur Adzam Rosdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar (2017)	/		/	/	/
Noornajihan Jaafar ,Norakyairee Mohd Raus , Nurul Aseah Fasehah, Norzulaili Mohd Ghazali, Rabiatuladawiyah Mohd, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyudin Hashim, AB Halim Tamuri, Norshidah Salleh, Mohd Isa Hamzah (2017)	/				
Ahmad Yunus (2016)	/				

Sumber: Olahan pengkaji, 2019.

Kesemua artikel yang dikaji membincangkan mengenai tahap kesediaan guru dan kaedah pengajaran dalam mendidik MBK dan ia dapat dilihat pada Rajah 3 di atas. Cabaran pengurusan masa dan kekurangan BBM masih baru dibincangkan sekitar tahun 2017 hingga tahun 2019. Trend masa perbincangan kajian itu sama seperti kekurangan BBM dan masa yang terhad semasa mengajar iaitu bermula dalam tahun 2017 sehingga tahun 2019. Kecukupan masa mengajar dan penggunaan BBM untuk pengajaran amat penting bagi mewujudkan pengajaran yang berkesan.

Rajah 4: Jumlah artikel kajian-kajian lepas mengenai isu dan cabaran pengajaran al-Quran dari tahun 2013 hingga tahun 2019



Sumber: Olahan pengkaji, 2019.

Artikel yang membincangkan mengenai isu dan cabaran dalam pengajaran al-Quran murid berkeperluan khas dapat dilihat berdasarkan Rajah 4 iaitu isu dan cabaran MBK Bermasalah Penglihatan, MBK Bermasalah Pendengaran, MBK Bermasalah Pembelajaran, Orang Kelainan Upaya, Kurang Upaya Mental dan Autisme. Di Malaysia, mengikut (Norzila Zakaria, 2018) murid yang mempunyai masalah autism dan kurang upaya mental diletakkan di bawah murid bermasalah pembelajaran. Disebabkan itu, Rajah 4 menunjukkan bahawa kajian mengenai murid berkeperluan khas tetap dibincangkan pada setiap tahun walaupun berlainan pengkaji.

Pengajaran dan Pemudahcaraan

Pengajaran merupakan salah satu aspek yang dilakukan semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan yang melibatkan satu proses penyebaran ilmu pengetahuan melalui perancangan, pengelolaan, bimbingan dan penyampaian serta penilaian (Nor Lela Ahmad & Nor Atikah Majid, 2018). Antara cabaran yang dihadapi oleh guru yang mengajar murid ialah kaedah pengajaran, pengalaman guru dan teknik dalam mengajar murid bidang pendidikan khas (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil, 2017). Pembelajaran yang berkesan dapat diwujudkan sekiranya guru mengetahui teknik yang sesuai untuk mengajar murid yang menghadapi pelbagai kekurangan keupayaan. Masalah pengajaran ini timbul apabila guru Pendidikan Islam hanya mempelajari teknik pengajaran pendidikan Islam dan guru pendidikan khas pula hanya mempelajari teknik pengajaran pendidikan khas sahaja (Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Nur Amalina Azhar dan Nurutthoilah Mohd Nabil & Ab Tamuri, 2019). Malah, kekurangan guru dalam bidang pendidikan khas pula akan menjejaskan lagi proses pengajaran dan pemudahcaraan (Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh,

2018). Selain itu, turut dibincangkan dalam artikel tersebut ialah tiadanya kelas al-Quran dari agensi JAIN, PAID, dan masjid-masjid untuk orang kurang upaya (Mohd Huzairi Awang @ Husain, Hajarul Bahti Zakaria, & Syar Meeze Mohd Rasyid, 2019). Namun, pada tahun 2013 telah diwujudkan Yayasan al-Faqeh di Negeri Sembilan bagi membantu murid dari kalangan kurang upaya (Siti Zarinah Sahib, 2018).

Masa yang Terhad

Menurut (Ibrahim, Khosim, & Jaafar, 2013), antara cabaran dalam mengajar murid Pendidikan Khas ialah masa yang diperuntukkan untuk sesi pengajaran al-Quran di sekolah adalah terhad. Kesan daripada ini, ia menyebabkan kurangnya pendedahan dan pendidikan penting dalam memahami kaedah penguasaan al-Quran yang sepatutnya dapat dipelajari sepenuhnya oleh murid. Malah, sesi pengajaran juga tidak bersifat interaktif (Zety Nurzuliana Rashed, Ab Halim Tamuri & Siti Suhaila Ihwani, 2018). Sebelum dijalankan KSSM, masa yang diperuntukkan untuk sesi Pendidikan Islam kepada murid Pendidikan Khas adalah 80 minit seminggu (Jabatan Pendidikan Khas, 2004). Jumlah masa yang diperuntukkan ini adalah amat tidak mencukupi untuk murid mendalami pembelajaran pendidikan Islam. Kurikulum baru KSSM yang telah diperkenalkan pada tahun 2017 memperuntukkan masa pengajaran pendidikan Islam kepada murid pendidikan khas sebanyak 120 minit seminggu (Buku Panduan KSSM, 2016). Walau bagaimanapun, masa yang diperuntukkan ini juga tetap tidak mencukupi kerana murid perlu mempelajari pelbagai bahagian dalam Pendidikan Islam. Bagi mendalami ilmu al-Quran dengan lebih terperinci, masa yang diperuntukkan merupakan satu elemen penting yang perlu dititikberatkan oleh guru terutamanya untuk pengajaran kepada MBK. Walaupun 120 minit seminggu telah diperuntukkan untuk sesi pengajaran pendidikan Islam kepada MBK, namun perlu diketahui bahawa masa yang sedikit akan memberikan kesan yang sedikit sahaja. Tambahan pula, sekiranya masa tersebut tidak diberi perhatian penuh maka pengajaran dan pembelajaran tersebut juga akan kurang berkesan (Ahmad Yunus, 2016). Menurut Bahagian Pendidikan Khas, guru boleh mengajar dengan mengubahsuai teknik dan kaedah pengajaran BBM, masa untuk setiap aktiviti, dan susunan aktiviti kepada keadaan murid tetapi bergantung kepada kurikulum yang terkandung dalam Pendidikan Khas (Kod Amalan Pendidikan Khas, 2014).

Tahap Kesediaan Pengajaran

Persediaan mengajar merupakan komponen yang penting bagi penyampaian pengajaran yang berkesan. Ia merupakan kunci kejayaan sesuatu pengajaran (Khairul A. A. B., 2014). Oleh sebab itu, guru yang mengajar pendidikan khas perlu bersedia dari pelbagai segi termasuklah bahan pengajaran dan mental untuk mengajar MBK ini. Aspek persediaan guru perlu diambil berat kerana ia memberi pengaruh yang besar terhadap sesuatu kejayaan perubahan (Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh, 2018).

Selain itu, guru juga didapati tidak mempunyai kemahiran dalam mengajar murid bermasalah pendengaran (Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, & Zawawi Ismail, 2017) dan murid bermasalah penglihatan (Raus et al., 2013). Malah, tahap kesediaan guru pendidikan

Islam yang mengajar pendidikan khas masih berada di tahap sederhana (Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh, 2018). Hal ini berpunca daripada guru tidak memahami murid pendidikan khas yang mempunyai kekurangan pelbagai kekurangan dalam pembelajaran. Antaranya ialah murid kurang fokus dalam pembelajaran malah mudah lupa dalam sesuatu perkara yang dipelajarinya (Norzila Zakaria, 2018). Guru yang baru memasuki dunia pendidikan khas juga tiada pendedahan seperti kekurangan kursus dan bengkel yang dianjurkan (Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Azam Rasdi, Norazman Alias, NorHasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, 2013) untuk guru. Kursus dan bengkel amat penting sebagai latihan kepada guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran kepada murid.

Pengetahuan Guru

Masyarakat berpandangan bahawa murid pendidikan khas tiada taklif dalam pembelajaran agama Islam (Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Nurul Aseah Fasehah, Norzulaili Mohd Ghazali, Rabiatuladawiyah Mohd, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyudin Hashim, AB Halim Tamuri, Norshidah Salleh, Mohd Isa Hamzah, 2017, Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad, 2019). Guru juga kurang berpengetahuan dalam cara mendidik murid-murid pendidikan khas kerana kebanyakan guru yang mengajar Pendidikan Islam dalam pendidikan khas bukan dari bidang pendidikan khas (Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh, 2018). Malah, kebanyakan dari mereka tidak menggunakan kaedah yang sesuai semasa mengajar MBK (Hamdi Ishak, 2016). Oleh itu, sebagai guru Pendidikan Islam di sekolah pendidikan khas, mereka perlu menguasai ilmu pedagogi Pendidikan Islam dan pendidikan khas untuk mendidik MBK agar proses penjayaan pengajaran al-Quran lebih berkesan.

Selain daripada itu, penglibatan badan-badan bukan kerajaan seperti jabatan agama Islam, Kelas Asas Fardu Ain untuk murid pendidikan khas, masjid-masjid kerajaan, dan agensi berwajib yang menitikberatkan usaha terhadap pendidikan al-Quran kepada murid pendidikan khas juga adalah kurang berbanding dengan usaha pendidikan agama kepada komuniti lain seperti anak yatim dan muallaf (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil, 2017).

Kekurangan BBM

Penggunaan BBM ketika proses pengajaran dan pemudahcaraan perlu diambil berat oleh guru semasa proses pengajaran berlangsung. Penggunaan BBM yang menjadi kekangan kepada guru dalam pengajaran kepada murid arus perdana (Ilias, M. F., Ismail, M. F. & Jasmi, K. A, 2013) turut menjadi kekangan kepada guru yang mengajar murid berkeperluan khas. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru ialah kekurangan BBM (Raus et al., 2013) dan modul dalam pengajaran al-Quran (Raus et al., 2013) lalu menyebabkan murid tidak dapat mempelajari al-Quran dengan berkesan. Di sekolah Pendidikan khas pula, penggunaan BBM oleh guru yang mengajar masih berada di tahap kurang memuaskan (Safarina Ujang & Norshidah Mohamad Salleh, 2018).

Selain itu, masalah pengajaran al-Quran juga berlaku disebabkan kekurangan bahan bantu mengajar dalam bidang agama Islam dan tiada modul yang khusus yang sesuai dengan kognitif murid (Norakyairee Mohd Raus & Nurutthoilah Ahmad Nabil, 2017). Modul diperlukan dalam proses pengajaran kerana modul yang berkesan akan memberi impak yang terbaik dalam

pengajaran (Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2011). Oleh itu, guru perlu mengambil berat dalam melakukan tindakan sewajarnya bagi mengatasi cabaran kekurangan BBM dalam pengajaran al-Quran (Wan Harun, Ruskam, Baharuddin, Othman, & Abdul Sarip, 2015) Ini kerana, penggunaan BBM ketika proses pengajaran dan pemudahcaraan adalah amat penting dan mendatangkan banyak manfaat kepada guru dan murid (Ilias, M. F., Ismail, M. F. & Jasmi, K. A, 2013). Malah, penggunaan BBM yang sesuai dalam pengajaran dapat menambahkan minat murid untuk mempelajari al-Quran (Jamali, Rahman, Fatahiyah, & Azizan, 2015).

Kesimpulan

Melalui kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan dan perbincangan kajian mengenai isu dan cabaran guru dalam mengajar al-Quran kepada MBK. Dalam usaha dan kesungguhan menyelesaikan masalah ini, guru yang mengajar pendidikan al-Quran kepada MBK perlu berusaha untuk menguasai sesuatu kemahiran. Sebagai seorang pendidik, guru seharusnya mengajar kepada murid dengan pedagogi pengajaran yang pelbagai dan sesuai dengan situasi dan isi kandungan pelajaran (Kamarul Azmi Jasmi, 2013).

Ini kerana, penerapan ilmu al-Quran amatlah penting bagi mengelakkan murid Islam dari terpesong. Justeru, guru dan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membentuk peribadi MBK. Secara keseluruhannya, pengajaran al-Quran ini juga amat penting untuk MBK. Walaupun tiada satu pun kaedah yang terbaik dalam menyampaikan pengajaran al-Quran kepada MBK, guru seharusnya mempelbagaikan pengajaran mengikut kesesuaian murid tersebut bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan daripada pengkaji bagi mengurangkan cabaran guru dalam mengajar MBK. Antara cadangan tersebut adalah:

- a. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan kursus kemahiran dan bengkel kemahiran al-Quran untuk guru-guru pendidikan Islam yang mengajar pendidikan khas.
- b. Menyediakan guru yang mempunyai latar belakang Pendidikan Islam untuk mengajar MBK.
- c. Mengadakan bengkel khusus khas kepada guru-guru yang mengajar pendidikan khas.
- d. Menambah masa untuk pengajaran Pendidikan Islam.
- e. Menyediakan satu modul khusus untuk setiap kategori kurang upaya murid.
- f. Menambah peruntukan guru yang mengajar di kelas pendidikan khas.
- g. Menambah guru dalam bidang Pendidikan Islam untuk mengajar MBK.
- h. Menyediakan al-Quran dan BBM yang diperlukan oleh guru untuk kelas pengajaran al-Quran.
- i. Agensi seperti jabatan agama Islam negeri dan pejabat agama Islam daerah perlu memainkan peranan yang penting dalam mendidik MBK.
- j. Masjid juga perlu mengadakan program melibatkan MBK dan golongan kurang upaya.
- k. Mewujudkan kelas KAFA dan al-Quran untuk MBK.

Cadangan Kajian Lanjutan


Kajian ini adalah kajian dari aspek berkaitan dengan isu dan cabaran guru yang mengajar MBK. Dengan itu, pengkaji mencadangkan agar dilakukan kajian lanjutan untuk kaedah pengajaran al-Quran untuk MBK ini. Penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai amatlah penting bagi memberikan kesan yang lebih baik kepada pengajaran al-Quran. Pengkaji juga mencadangkan agar pemfokusan kaedah pengajaran al-Quran dilakukan kepada setiap kategori murid seperti murid bermasalah pembelajaran, murid bermasalah penglihatan dan murid bermasalah pendengaran.

Rujukan

- Akta Pendidikan. (1996). Kuala Lumpur.
- Ahmad, N. L & Majid, N. A .2018. Program Praktikum Sebagai Medium Pengukuhan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih (Practical Programme as a Medium to Strengthen Soft- Skills Among Trainee Teachers) , *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2)(2018): 17-27 doi: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-02>
- Ahmad Yunus, M. N. 2016. Cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB). *Islamiyyat*, 38(1): 15–24.
- Hamdi, I. 2016. Methods Of Teaching Al-Quran To The Hearing Disability Children. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 2(2): 29-44.
- Ibrahim, N., Khosim, N., & Jaafar, N. 2013. Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan cabaran semasa. *International Journal On Quranic Research* , 4 (1): 56-70.
- Jabatan Pendidikan Khas. 2004. *Huraian Sukatan Mata Pelajaran Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah (Cetakan ke 3)*. Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jamali, H. N., Rahman, A. A., Fatahiyah, K., & Azizan, K. 2015. Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran Dan Pengajaran Bahasa Arab di USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM. *The e-Journal Of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 2(1): 27-39.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Pendidikan Islam, Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Buku penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Bilangan ke-11. Penerbit: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Aderi Che Noh. 2015. *Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Huzairi Awang @ Husain, Hajarul Bahti Zakaria, & Syar Meeze Mohd Rasyid. 2019. Kaedah Pengajaran Fardu Ain Kepada Murid Berkeperluan Khas. *Seminar Kesedaran Pendidikan Kafa OKU*, JAKIM. 1–18
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Azam Rasdi, Norazman Alias, NorHasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, N. J. 2013. Pengajaran Al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research*, 3(4): 79–94. <https://doi.org/10.35631/irjsmi.11002>

- Norzila Zakarian. 2018. *Komplikasi Kisah Masalah Pembelajaran*. Penerbit: Universiti Sains Malaysia
- Mohd Raus, H. N., & Ahmad Nabil, N. (2017). Model Dan Kurikulum Pendidikan Al-Quran Holistik Bagi Oku. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 1(1): 15-30. Retrieved From [Http://Jqss.Usim.Edu.My/Index.Php/Jqss/Article/View/5](http://Jqss.Usim.Edu.My/Index.Php/Jqss/Article/View/5)
- Rabiatuladawiyah Saleh, & Mohd Nizam Sahad. 2019. Senario Pembelajaran Tilawah Al-Quran Murid Masalah Pembelajaran (Kefungsian Sederhana). *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(1): 7–13. <https://doi.org/10.1016/j.joms.2010.05.084>
- Mohd Raus, N., Rasdi, M., Alias, N., Ibrahim, N., Khosim, N., Jaafar, N., Tamuri, A., Mohamed Salleh, N., & Zakaria, H. (2013). The Teaching of Quranic Braille: Its Issues and Current Challenges. *QURANICA - International Journal Of Quranic Research*, 4(1), 79-94. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5198>
- Safarina Ujang, & Norshidah Mohamad Salleh. (2018). Pelaksanaan Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, Fardu Ain (J-QAF) Dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. *Jurnal Ortopedagogia*, 4(1): 59–65.
- Siti Zarinah Sahib (2018, Disember 10) Kalam Suci Anak Syurga. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/12/402225/kalam-suci-anak-syurga>
- Syar Meeze Mohd Rashid (2017). Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Kepada Golongan Istimewa. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 1(1). Retrieved From [Http://Jqss.Usim.Edu.My/Index.Php/Jqss/Article/View/3](http://Jqss.Usim.Edu.My/Index.Php/Jqss/Article/View/3)
- Wan Harun, M. A., Ruskam, A., Baharuddin, A. S., Othman, R., & Abdul Sarip, M. A. 2015. Epistemologi Praktik Bahan Bantu Mengajar Nabawi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* (EISSN: 2289-8204), 2(2): 45–55. <https://doi.org/10.11113/umran2015.2n2.6>

LAMPIRAN



Kod	Tahun Penerbitan	Kategori Penerbitan	Reka bentuk Kajian		Bidang Kajian		
			Jurnal	Kuantitatif	Kualitatif		
1	2016		/	/			
2	2019		/	/		Pembelajaran	
3	2017		/	/			Pendengaran
4	2018		/	/	Autisme		
5	2018		/	/		Pembelajaran	
6	2017		/	/			Pendengaran
7	2014		/	/			
8	2017		/	/		Orang Kelainan Upaya	
9	2016		/	/			Pendengaran
10	2014		/	/		Orang Kelainan Upaya	
11	2013		/	/			0